

Danaharta diharap bantu Safire terus beroperasi

BH 31 MAR 2002

KERAJAAN Perak berharap Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) membantu Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd (Safire) meneruskan operasinya bagi menyelesaikan hutang lebih RM30 juta.

La berikutan kerajan Perak berpendapat Safire yang 49 peratus ekuitinya dimiliki Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), masih boleh diselamatkan melalui pakej penyelesaian yang mampu memanfaatkan kedua-dua pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata kerajaan negeri amat berharap Safire mampu dihidupkan semula kerana ia adalah satu-satunya pengeluar produk farmaseutikal milik Bumiputera di negara ini.

"Kita berharap Danaharta (dalam membuat pertimbangannya) dapatlah membantu mana-mana syarikat yang boleh dibantu.

"Bagaimanapun, jika syarikat terbabit tidak boleh dibantu, terpujanglah kepada Danaharta membuat keputusan," katanya selepas merasmikan Konvokesyen Politeknik Ungku Omar (PUO) di Ipoh, semalam.

Kelmarin, Danaharta mengesahkan pengurusan Safire memohon perintah mahkamah menghalangnya melupuskan ekuiti memegang saham dalam syarikat itu yang dilaporkan menanggung bebanan hutang kira-kira RM50 juta.

Tindakan Safire itu adalah selepas Tan Sri Tajudin Ramli memfailkan injuksi di mahkamah menghafang Danaharta daripada menjual kepentingannya dalam Technology Resources Industries Bhd (TRI).

Safire yang beroperasi di Taman Teknologi Sri Iskandar, Tronoh, kira-kira 25 kilometer dari Ipoh dimiliki pasangan doktor suami isteri, Dr Safri Nawawi dan Dr Hamimah Idrus.

Safire yang beroperasi sejak 1983, dikatakan mengalami masalah pengurusan terutama ketika negara mengalami kegawatan pada 1997.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan kilang farmaseutikal itu pada Mei 1997.

Tajol Rosli berkata, Dr Safri menyatakan berminat bekerjasama dengan syarikat baru yang akan mengambil alih Safire.

"Dalam pertemuan dengan Dr Safri baru-baru ini, beliau ada menyatakan minat bekerjasama dengan syarikat yang mahu mengambil alih Safire daripada dijual Danaharta begitu saja," katanya.